

585 pelajar baru UMS-KAL Labuan akan mendaftar

LABUAN: Seramai 585 pelajar baru sesi 2010/2011 yang akan mendaftar masuk ke Universiti Malaysia Sabah Kampus Antarabangsa Labuan (UMS-KAL) tiba di Labuan pagi kelmarin.

Kesemua pelajar itu tiba menaiki kapal ekpress dan feri kenderaan secara berperingkat-peringkat dari Kota Kinabalu dan Menumbok selepas mengikuti orientasi di kampus induk UMS, Kota Kinabalu seminggu lalu.

Menurut Pengarah UMS-KAL, Prof Madya Dr Shariff Abdul Kadir Omang Al Haj, daripada jumlah itu seramai 494 pelajar akan mengikuti pengajian di Sekolah Perniagaan dan Kewangan Antarabangsa Labuan (SPKAL), manakala selebihnya akan mengikuti pengajian di Sekolah Sains Informatik Labuan (SSIL).

“Selain itu kita juga menerima seramai 33 pelajar antarabangsa yang membabitkan 29 dari negara China dan empat lagi dari negara Turki iaitu merupakan negara luar kedua yang belajar di kampus ini selepas China,” katanya kepada pemberita selepas menyambut ketibaan pertama pelajar baru UMS-KAL di Terminal Feri Penumpang Antarabangsa Labuan, pagi kelmarin.

Dr Shariff berkata, kesemua pelajar lelaki seramai 201 orang akan ditempatkan di rumah kediaman UMS-KAL di Taman Mutiara Kampung Sungai Bedaun, manakala 384 pelajar wanita akan ditempatkan di Blok Alfa rumah kediaman Kampus UMS-KAL.

Ditanya mengenai masalah air yang sebelum ini menjadi rungutan pelajar, beliau menjelaskan masalah itu sudahpun dapat diatasi sepenuhnya berikutan siapnya projek pemasangan pam air yang menyalurkan air ke rumah kediaman masing-masing.

Sementara itu katanya, bagi memberikan keselesaan kepada pelajar baru, UMS-KAL juga telah melaksanakan kerja-kerja menaik taraf kemudahan asas dan infrastruktur serta menambah prasarana kampus UMS-KAL dengan peruntukan sebanyak RM13 juta dan bakal siap sepenuhnya pada Ogos depan.

“Antara kemudahan yang diberi keutamaan dalam kerja-kerja menaik taraf itu antaranya ialah menambah kemudahan bekalan tenaga, menaiktaraf kawasan landskap dan rumah kediaman serta bekalan air,” katanya.

OLEH JAINUDIN DJIMIN (jainuddin @newsabah-times.com.my)